

## Pelajar UMP dekati Orang Asli suku Batek

**GUA MUSANG 24 Mei** - Seramai 40 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai program khidmat masyarakat di perkampungan Orang Asli suku Batek di Kuala Koh di sini, baru-baru ini.

Program yang disertai pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) itu bertujuan menyebarkan ilmu, mendekati kehidupan dan memahami adat resam masyarakat tersebut.

Pengarah programnya, Firdaus Che Jusoh berkata, pihaknya telah berkampung selama tiga hari di kawasan tersebut bermula dari 21 hingga 22 Mei.

Katanya, tujuan utama program tersebut diadakan adalah merapatkan hubungan antara penuntut dengan penduduk Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman.

"Kita mahu mewujudkan hu-

bungan sosial yang baik antara pelajar dan masyarakat Orang Asli yang masih berpegang kuat dengan adat budaya serta kepercayaan mereka.

"Pelbagai aktiviti diadakan termasuklah aktiviti sukaneka, pertandingan mewarna, modul penjagaan kesihatan serta mengagihkan keperluan harian bagi persediaan menghadapi bulan Ramadan kepada penduduk Orang Asli.

"Selama tiga hari kami di sini, 23 keluarga Orang Asli suku Batek begitu teruja dan menunjukkan minat terhadap aktiviti yang kami rancang," katanya.

Seorang peserta, Syafiq Aiman Abdullah, 21, program itu memberi peluang mewujudkan pergaulan sesama pelajar dan mengikis perasaan malu serta rendah diri yang terdapat dalam

masyarakat Orang Asli.

"Antara program yang meninggalkan memori ini ialah ketika kami mengajar mereka modul menjaga kesihatan diri seperti penjagaan kebersihan diri dan menggosok gigi.

"Kebanyakan mereka masih kurang kesedaran mengenai penjagaan kesihatan diri dan tugas kita adalah untuk mendidik mereka," katanya.

Sementara itu, Nurain Ashari, 22, berkata, dia berasa teruja menyertai program kemasyarakatan di kawasan perkampungan Orang Asli yang terletak kira-kira 90 kilometer dari bandar Gua Musang itu.

Katanya, program tersebut amat penting untuk memastikan penglibatan belia dalam aktiviti kemasyarakatan secara berterusan.



PELAJAR Universiti Malaysia Pahang mengajar kanak-kanak Orang Asli Batek menggosok gigi di Kampung Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan, baru-baru ini.